

SISTEM WEB PERSATUAN PENDUDUK

ADAM HIJJAZ BIN MOHAMED ZAIMY
NAZATUL AINI BINTI ABDUL MAJID

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

"Persatuan penduduk" biasanya merujuk kepada kumpulan yang dibentuk oleh penduduk di sesuatu kawasan, seperti kawasan perumahan atau komuniti. Persatuan ini boleh terlibat dalam pelbagai aktiviti seperti mengadakan acara, menangani isu tempatan, memperjuangkan keperluan komuniti, dan memupuk rasa kesepaduan di kalangan penduduk. Peranan dan aktiviti persatuan penduduk boleh berbeza-beza bergantung kepada keperluan komuniti dan matlamat persatuan tersebut. Secara umumnya, persatuan ini bertujuan untuk membina rasa keterikatan, meningkatkan kesejahteraan komuniti, dan menangani isu-isu bersama dalam kawasan kediaman bagi menangani isu-isu bersama dan bekerjasama untuk meningkatkan keadaan kawasan mereka.

1 PENGENALAN

Persatuan penduduk merupakan sebuah komuniti yang dibentuk oleh penduduk taman demi mengeratkan ukhawah antara satu sama lain. Persatuan ini diwujudkan di sebahagian taman perumahan di mana ia akan menghubungkan penduduk-penduduk taman perumahan berkenaan. Namun begitu, tidak semua taman perumahan mempunyai persatuan penduduk mereka tersendiri. Taman perumahan yang telah bina persatuan penduduk akan mendapat faedah masing-masing sama ada terhadap penduduk mahupun kepada taman itu sendiri.

Secara umumnya, tujuan persatuan penduduk diwujudkan untuk mengemukakan isu semasa yang berlaku dalam kalangan penduduk di sesebuah kawasan. Hal ini adalah untuk memastikan penduduk taman peka terhadap keadaan yang berlaku di sekeliling taman itu. Akibat daripada penduduk yang kurang peka terhadap isu yang berlaku di taman berkaitan adalah penduduk sendiri tiada kesedaran mengenai kelebihan dan kekurangan yang ada pada taman itu bergantung pada peredaran masa.

Para penduduk perlu peka terhadap keadaan taman yang mereka alami agar tiada pertelingkahan berlaku antara mereka serta dapat menjalani kehidupan harian dengan lebih harmoni. Sehubungan dengan itu, kajian ini menyediakan sistem web persatuan penduduk taman. Di era modenisasi ini, masyarakat lebih banyak berinteraksi secara dalam talian, Oleh yang demikian, sistem ini dirancang untuk memulakan interaksi antara penduduk, mewujudkan penglibatan masyarakat, dan mengelola pelbagai aspek kehidupan bersama.

2 PENYATAAN MASALAH

Dalam menjalani kehidupan seharian, masyarakat yang tinggal di sesebuah taman perumahan pasti akan menghadapi masalah-masalah yang mengganggu ketenteraman penduduk. Masalah yang pertama adalah penduduk tidak dapat menghubungi majlis-majlis tertinggi persatuan penduduk taman tersebut. Hal ini kerana penduduk-penduduk tiada info mengenai majlis-majlis tertinggi persatuan penduduk.

Seterusnya, ia dapat mengelakkan perselisihan faham antara satu sama lain. Ia berpunca daripada pemindahan informasi yang salah antara penduduk dan juga berita palsu yang diuar-uarkan di dalam media sosial taman tersebut. Oleh yang demikian, timbul rasa sangsi dan ketidakpuasan hati daripada segelintir penduduk.

Selain itu, aspek keselamatan taman juga perlu diambil perhatian. Di era masa kini, isu-isu keselamatan sering berlaku dalam kalangan masyarakat contohnya berlaku kemalangan yang melibatkan kanak-kanak, pencerobohan monyet dan isu meletakkan kenderaan yang menghalang kenderaan lain keluar dan masuk.

3 OBJEKTIF KAJIAN


Antara objektif untuk membangunkan sistem web persatuan penduduk Tiara South ini ada seperti berikut:

- i. Merekabentuk laman web untuk berita, carta organisasi, ahli-ahli jawatankuasa, maklumbalas residen dan info-info servis sesebuah Kawasan.
- ii. Untuk membangunkan tahap kemajuan sesebuah kawasan dan juga untuk menjamin Kebajikan Kawasan tersebut.
- iii. Menguji kepekaan penduduk di sesebuah Kawasan terhadap Pembangunan Kawasan itu.

4 METOD KAJIAN

Model proses pembangunan atau metodologi yang akan digunakan dalam projek ini ialah model air terjun (waterfall). Model ini sesuai bagi projek yang mementingkan perancangan dan struktur. Setiap fasa perlu dilengkapkan sebelum ke fasa seterusnya seperti yang

diperlukan oleh projek ini. Projek tidak dapat dijalankan sekiranya proses pembinaan model latihan tidak lengkap. Projek ini akan bermula dengan fasa keperluan di mana keperluan projek ditentukan dan dijelaskan secara terperinci. Kemudian, projek beralih kepada fasa reka bentuk. Fasa ini menentukan bagaimana aplikasi akan direka bentuk contohnya menggunakan warna atau tulisan yang sesuai. Seterusnya, fasa pelaksanaan di mana aplikasi akan diuji adakah ia mampu untuk digunakan dengan lancar. Akhir sekali, fasa penyelenggaraan untuk membaiki aplikasi jika terdapat masalah-masalah baru yang terjadi.



Rajah 4.1: Metod *Waterfall*

4.1 Fasa Analisis

Fasa ini memfokuskan kepada analisa keperluan pengguna. Soal selidik dijalankan keatas pengguna untuk mendapatkan maklumat yang lebih mengenai keperluan pengguna.

4.2 Fasa Reka Bentuk

Fasa ini menentukan seni bina aplikasi yang akan digunakan. Segala proses mereka bentuk aplikasi dijalankan mengikut keperluan pengguna yang telah ditentukan.

4.3 Fasa Pembangunan

Fasa ini membincangkan proses untuk membangunkan aplikasi. Proses membina dan membangunkan aplikasi juga dimulakan.

4.4 Fasa Pelaksanaan dan Pengujian

Aplikasi ini akan diuji sama ada dapat mencapai objektif ataupun tidak. Proses pengujian dilakukan keatas aplikasi dengan menerima maklum balas dan komen daripada pengguna dan juga penguji.

4.5 Fasa Penilaian

Fasa ini memfokuskan untuk pelaksanaan penilaian laporan projek yang telah dibangunkan. Aplikasi yang sudah siap dibangunkan juga akan dibentangkan kepada penyelia dan seterusnya kepada penilai.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan hasil daripada kajian tentang Sistem Web Persatuan Penduduk Tiara South. Segala penerangan tentang hasil kajian yang dilakukan pada fasa analisis, fasa reka bentuk, reka pembangunan, fasa pelaksanaan dan pengujian dan juga fasa penilaian berada di dalam bahagian ini.


5.1 Analisis Keperluan Pengguna

Setelah analisis berkaitan keperluan pengguna dilakukan, segala keperluan pengguna bagi Sistem Web Persatuan Penduduk Tiara South telah dapat dicapai. Pengguna bagi Sistem Web Persatuan Penduduk ini secara asasnya hanyalah memfokuskan kepada penduduk taman iaitu perumahan Tiara South. Malahan, penduduk ini juga merupakan pengguna bagi web ini. Ini kerana antara muka web ini perlu diakses oleh penduduk taman itu sendiri. Dengan itu penduduk dapat memantau perkembangan taman perumahan mereka berdasarkan perkara yang disampaikan di dalam web ini. Penduduk juga dapat melihat berita terkini, latar belakang, program yang bakal dianjurkan serta dapat membuat aduan berkaitan kekurangan taman berkenaan dan boleh juga mendapatkan info tentang servis yang disediakan di dalam taman itu. Fungsi yang akan dibangunkan dalam Sistem Web Persatuan Penduduk Tiara South adalah seperti berikut :

1. **Pendaftaran**
Pegguna iaitu penduduk perlu mendaftar melalui web ini. Perkara yang perlu diisi semasa pendaftaran ialah nama, emel dan kata laluan.
2. **Log Masuk**
Pegguna iaitu penduduk perlu log masuk menggunakan emel dan kata laluan yang telah didaftarkan semasa pendaftaran untuk mengakses web ini.
3. **Halaman utama**
Pegguna iaitu penduduk dapat melihat perincian taman untuk menggunakan web ini.
4. **Berita terkini**
Pegguna iaitu penduduk dapat mendapatkan info berita terkini tentang taman Tiara South.
5. **Latar belakang**
Pegguna iaitu penduduk dapat mendapatkan info latar belakang tentang taman Tiara South.
6. **Carta Organisasi**
Pegguna iaitu penduduk dapat mendapatkan info carta organisasi tentang taman Tiara South.
7. **Program**
Pegguna iaitu penduduk dapat mendapatkan info berita program yang akan dianjurkan oleh taman Tiara South.
7. **Khidmat Pelanggan**
Pegguna iaitu penduduk dapat mendapatkan membuat aduan mengenai kekurangan taman serta mendapatkan servis yang disediakan di dalam taman Tiara South.
8. **Log Keluar**
Pegguna iaitu penduduk boleh log keluar dari web ini jika sudah tidak mahu menggunakan web ini.


5.2 Pembangunan Sistem Web Persatuan Penduduk Tiara South

Fasa pembangunan ialah fasa di mana web akan diimplimentasikan segala fungsi yang telah dirancang. Sistem Web Persatuan Penduduk Tiara South ini dibangunkan menggunakan *Visual Studio Code*, menggunakan bahasa pengaturcaraan Java. Selain itu, pangkalan data bagi aplikasi ini ialah menggunakan pangkalan data MySQL by *Clever Cloud*. Rajah 5.1 di bawah menunjukkan pangkalan *Cloud Firebase* yang digunakan.



Rajah 5.1: pangkalan data *MySQL Clever Cloud*

Antara muka pengguna yang telah dibangunkan bagi web ini merangkumi log masuk, pendaftaran pengguna, menu utama, paparan berita terkini, info latar belakang, paparan carta organisasi, paparan program, ruang aduan dan juga direktori servis. Rajah 5.2 dibawah menunjukkan semua antara muka bagi Sistem Web Persatuan Penduduk Tiara South.



Rajah 5.2: Antara muka Sistem Web Persatuan Penduduk Tiara South

6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Sistem Web Persatuan Penduduk Tiara South berjaya dibangunkan walaupun terdapat sedikit masalah untuk mengimplementasikan laman web yang responsif dimana ia tidak kemas dan teratur apabila web ini digunakan di peranti telefon pintar. Web ini akan dapat membantu penduduk taman Tiara South untuk mendapatkan info-info penting dengan lebih mudah dan menarik. Diharapkan agar web ini berguna walaupun terdapat kekurangan dan dapat dijadikan sebagai kajian pada masa akan datang.

7 RUJUKAN

Marhalim Atan. (2024). Nota Alu-Aluan dari Persiden AJK bagi sesi 2024-2025. Didapatkan dari: <https://nukilan.com.my/>

Ayra. (2023, June 29). Aktiviti Persatuan Penduduk. Didapatkan dari: <https://yuran.my/aktiviti-persatuan-penduduk/>

Faiz Abdullah. (2022, December 28). Persatuan penduduk perantara penduduk dengan wakil rakyat. Didapatkan dari: <https://negerikita.org/persatuan-penduduk-perantara-penduduk-dengan-wakil-rakyat/>

Posts Atom, (2024). PERSATUAN PENDUDUK TAMAN KOSAS. Didapatkan dari: <https://petakfasa3.blogspot.com/>

Majlis Perbandaran Jerantut (2024). Portal Rasmi Majlis Daerah Jerantut. Didapatkan daripada: <https://www.mdjerantut.gov.my/ms/rakyat/jawatankuasa-perwakilan-penduduk>

Adam Hijjaz Bin Mohamed Zaimy (A177407)
Nazatul Aini Binti Abdul Majid
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Copyright@FTSM
UKM